

KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

BANK MUAMALAT SANTUNI LEBIH 7,000 PENERIMA MENERUSI INISIATIF “RAMADAN TERINDAH, BERSAMA”

KUALA LUMPUR, 16 Mac 2026 – Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) meneruskan komitmennya memperkasa komuniti sepanjang Ramadan menerusi pelaksanaan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) berskala nasional berjumlah lebih RM300,000 yang memberi manfaat kepada lebih 7,000 penerima di seluruh negara.

Di bawah tema “Ramadan Terindah Bersama”, Bank Muamalat melaksanakan rangkaian program kebajikan sepanjang Februari hingga Mac 2026 yang memfokuskan kepada bantuan keperluan asas, perkongsian rezeki serta pengukuhan hubungan bersama komuniti.

Antara inisiatif utama yang dilaksanakan termasuk **sumbangan kit barangan dapur kepada keluarga asnaf, program rewang bubur lambuk bersama komuniti, edaran pek makanan iftar kepada rakan media dan petugas barisan hadapan, ziarah kebajikan ke rumah anak yatim, serta majlis berbuka puasa bersama anak-anak yatim** di empat wilayah utama negara.

Sebagai permulaan, **program Kit Ramadan** yang dilaksanakan pada 10 Februari 2026 di kesemua 14 negeri telah menyantuni keluarga asnaf serta pertubuhan kebajikan dengan sumbangan barangan keperluan asas bagi membantu meringankan perbelanjaan menjelang Ramadan.

Program **Rewang Bubur Lambuk** pula dianjurkan dari 23 Februari hingga 12 Mac 2026 dengan penglibatan warga kerja dan sukarelawan Bank Muamalat di seluruh negara, sekali gus memperkukuh semangat kebersamaan dan ukhuwah bersama komuniti setempat.

Dalam masa yang sama, Bank Muamalat turut mengedarkan lebih 1,500 **pek makanan iftar** kepada rakan media serta petugas barisan hadapan di wilayah tengah sebagai tanda penghargaan atas komitmen dan khidmat mereka kepada masyarakat. Bukan itu sahaja, pihak Bank turut meraikan rakan-rakan media dalam program ‘Sembang Santai Moreh Bersama Bank Muamalat’ yang dihadiri oleh lebih 50 orang pengamal media dari media cetak, media elektronik dan media baharu.

Bank Muamalat juga melaksanakan program **Ziarah Ramadan** dengan menyantuni lapan rumah kebajikan anak yatim di wilayah tengah melalui sumbangan serta aktiviti interaksi yang membawa kegembiraan kepada anak-anak yang diraikan.

Selain itu, **Majlis Berbuka Puasa Wilayah** turut dianjurkan di Kelantan, Pulau Pinang, Johor dan Kuching melibatkan enam rumah kebajikan dengan kehadiran seramai 205 anak-anak yatim dan asnaf, sekali gus meraikan mereka dalam suasana penuh kasih sayang dan keberkatan Ramadan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Datuk Khairul Kamarudin, berkata inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Bank dalam memperkasa komuniti selaras dengan prinsip Maqasid Syariah.

“Ramadan adalah bulan penuh keberkatan yang mengajar kita nilai empati, ihsan dan tanggungjawab sosial. Melalui inisiatif Ramadan Terindah, Bersama, Bank Muamalat bukan sekadar menyalurkan sumbangan, tetapi berusaha menyentuh hati dan kehidupan mereka yang memerlukan.

“Kami percaya institusi kewangan Islam perlu memainkan peranan lebih besar daripada sekadar menyediakan perkhidmatan perbankan. Ia juga perlu menjadi pemangkin kesejahteraan ummah dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat secara menyeluruh,” katanya.

Menurut beliau, pelaksanaan program di seluruh negara turut memperlihatkan komitmen tinggi warga kerja Bank Muamalat yang turun padang sebagai sukarelawan, sekali gus memperkukuh budaya organisasi yang berteraskan nilai ihsan, integriti dan kebersamaan.

Dengan berakhirnya Ramadan tahun ini, Bank Muamalat berharap semangat kebersamaan yang dipupuk melalui inisiatif “Ramadan Terindah, Bersama” akan terus mekar serta menjadi inspirasi untuk memperluas usaha kebajikan dan pemberdayaan komuniti pada masa hadapan.

Untuk maklumat lanjut mengenai program CSR Bank Muamalat di bulan Ramadan, sila layari www.muamalat.com.my.

Tamat

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Mohd Nazrul Hafizi | mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my | +6017 921 1384

Hawa Ali | siti.norhawa@muamalat.com.my | +6019 239 2077

Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejajar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.